

19 OCT 2001

Belanjawan-Penyayang

RM6.3 BILION UNTUK PERKHIDMATAN KESIHATAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM6.3 bilion kepada Kementerian Kesihatan antara lain untuk meneruskan pelaksanaan projek hospital, klinik kesihatan dan klinik desa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, aktiviti kesihatan dan perubatan yang akan diberi tumpuan termasuklah meningkatkan kesihatan wanita dan kanak-kanak, kawalan penyakit, pemakanan sihat serta bekalan peralatan dan kemudahan yang moden.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat di sini, beliau berkata, sejumlah RM1.08 bilion disediakan untuk projek perumahan kakitangan sektor awam, termasuk RM710 juta untuk perumahan Angkatan Tentera, RM197 juta untuk perumahan polis dan RM173 juta untuk perumahan kakitangan awam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, peruntukan yang disediakan di bawah semangat masyarakat penyayang itu turut memberi RM204.5 juta untuk program membantu rakyat miskin di negara ini dengan tumpuan kepada negeri yang mempunyai ramai orang miskin termasuk Kelantan dan Terengganu.

Peruntukan itu akan disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melaksanakan program kesejahteraan rakyat, sebuah program baru bagi menggantikan program pembangunan rakyat termiskin sebelum ini.

"Antara program yang dilaksanakan termasuklah pemulihan sikap keluarga miskin, membantu keupayaan mereka menambah pendapatan, program makanan tambahan keluarga termiskin, pembasmian kemiskinan di bandar, peningkatan pertanian dan ekonomi kampung, program pemulihan rumah dan pembangunan masyarakat setempat," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan turut menyediakan RM136.5 juta bagi belanja mengurus dan RM57.3 juta bagi belanja pembangunan untuk program kebajikan masyarakat.

Peruntukan itu adalah untuk melaksanakan program meningkatkan lagi keselesaan penghuni di 52 institusi kebajikan, meningkatkan keceriaan persekitaran, menjalankan kerja pembaikan dan naik taraf institusi berkenaan.

Beliau berkata, Felda pula akan memberi bantuan dalam bentuk sokongan harga kepada peneroka kelapa sawit dan getah semasa menghadapi kejatuhan harga komoditi.

Bagi peneroka kelapa sawit mereka diberi bantuan sebanyak RM12 bagi setiap satu tan metrik jika harga kelapa sawit jatuh di bawah paras RM900 setiap satu tan metrik, manakala peneroka getah diberi 15 sen bagi setiap kilogram jika harga getah turun di bawah paras RM2.50 setiap satu kilogram.

Dr Mahathir berkata, Risda pula memperuntukkan RM3 juta setiap tahun bagi program meningkatkan pendapatan keluarga termiskin, menyediakan tempat tinggal lebih selesa dan mengubah sikap, gaya berfikir dan corak bekerja yang boleh menambah pendapatan mereka.

"Di samping itu, kadar bantuan maksimum RM250 sebulan telah diberikan bagi setiap keluarga bergantung kepada bilangan tanggungan penerima. Bagi tempoh Julai 1999 hingga Disember 2000, seramai 667 keluarga telah mendapat bantuan ini berjumlah RM2.5 juta," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan turut menyediakan peruntukan berjumlah RM403,000 untuk membantu pelajar cacat pendengaran yang memasuki institusi pengajian tinggi tempatan, dalam bentuk pelajaran percuma,

kemudahan penginapan dan makanan percuma serta diberi wang saku RM300 sebulan mulai 1 Jan, 2002.

Untuk faedah golongan pesara terutamanya, yang bergantung kepada hasil simpanan dan agak terjejas daripada penurunan kadar faedah oleh institusi perbankan dan kewangan pula, Bank Negara akan menerbitkan Bon Simpanan Malaysia siri ketiga, yang dikhaskan kepada warga negara berumur 55 tahun ke atas dan organisasi kebajikan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, katanya.

"Sejumlah RM1 bilion akan ditawarkan dengan kadar pulangan sebanyak 5 peratus. Separuh daripada jumlah ini akan diterbitkan berlandaskan prinsip Islam," katanya.

Sejumlah RM943 juta diperuntukkan untuk menampung pelbagai projek perumahan kos rendah, termasuk RM143 juta untuk meneruskan 124 projek Perumahan Awam Kos Rendah, yang diberi secara pinjaman kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Sebanyak RM793 juta pula disediakan untuk meneruskan pelaksanaan program perumahan rakyat bersepadu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan bandar lain untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah.

-- BERNAMA
AFY AHH PR